

# Lawatan PM ke Vietnam kukuh hubungan 2 negara

**Wan Faizal  
Ismayatin**  
wfaizal@bh.com.my



**Lawatan** rasmi tiga hari Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ke Vietnam bermula esok, akan memperkukuhkan hubungan kedua-dua negara, termasuk membuka jalan bagi meningkatkan nilai dagangan dua hala kepada AS\$15 bilion (RM62.87 bilion), tahun depan.

Ia adalah peningkatan berbanding AS\$13.3 bilion (RM55.74 bilion) tahun lalu.

Duta Besar Malaysia ke Vietnam, Datuk Shariffah Norhana Syed Mustaffa, berkata lawatan berkenaan adalah atas jemputan Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Xuan Phuc, dan lawatan rasmi pertama Dr Mahathir ke negara sosialis itu selepas dilantik sebagai Perdana Menteri kali kedua pada Mei 2018,

Kali terakhir Dr Mahathir mengadakan lawatan rasmi ke Vietnam sebagai Perdana Menteri ialah pada Sidang Kemuncak ASEAN pada 1998.

Shariffah Norhana berkata, lawatan Perdana Menteri turut bertujuan merapat dan meningkatkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Vietnam yang terjalin selama 46 tahun sejak 30 Mac 1973.

Tahun lalu, katanya, eksport Malaysia ke Vietnam mencecah AS\$8.48 bilion (RM35.54 bilion), manakala import dari Vietnam berjumlah AS\$4.77 bilion (RM19.99 bilion).

"Malaysia adalah rakan dagang ke-11 terbesar bagi Vietnam, manakala Vietnam rakan dagang ke-13 terbesar bagi Malaysia di dunia dan keempat dalam ASEAN selepas Singapura, Thailand dan Indonesia.

"Malaysia juga negara pelabur kelapan terbesar di Vietnam dengan pelaburan AS\$12.48 bilion

(RM52.3 bilion) pada 2018," katanya kepada wartawan Malaysia di sini, semalam.

Dr Mahathir yang diiringi isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dijangka tiba di sini hari ini, pada jam 5.20 petang waktu tempatan (6.20 petang waktu Malaysia) dan akan disambut oleh Menteri dan Ketua Kerajaan Vietnam, Mai Tien Dung.

Perdana Menteri akan diiringi Menteri Luar Negeri, Datuk Saifuddin Abdullah.

Shariffah Norhana berkata, Dr Mahathir akan diraikan dalam Upacara Sambutan Rasmi di Istana Presiden esok, disusuli pertemuan empat mata dengan Perdana Menteri Vietnam.

"Kedua-dua pemimpin dijangka berbincang mengenai hubungan dua hala dan bagaimana untuk mempromosi kerjasama baharu dalam pelbagai bidang, antaranya perdagangan dan pelaburan, keselamatan, pendidikan dan pertanian, selain isu serantau dan antarabangsa.

"Isu pencerobohan nelayan Vietnam di perairan Malaysia dijangka turut disentuh," katanya.

Rabu ini, Dr Mahathir akan melawat Hoa Lac Hi-Tech Park dan dijadual berucap mengenai 'Persediaan Malaysia Menghadapi Revolusi Industri 4.0' di hadapan pelajar universiti, selain melihat pameran kereta buatan Vietnam iaitu VinFast model Lux SA 2.0, Lux SA (A) 2.0 dan Fadil 1.5.

"Perdana Menteri dan isteri akan singgah di Noi Bai Industrial Zone yang ditadbir oleh Noi Bai Development Corporation Limited (NBD), iaitu syarikat usahasama Malaysia-Vietnam (Vista Spectrum Sdn Bhd dan Urban Infrastructure Development Investment Corporation UDIC Vietnam).

"Ketika lawatan pada 1996, Dr Mahathir merasmikan upacara pecah tanah Noi Bai Industrial Zone ini," katanya.